

Prosedur permohonan perkhidmatan Seksyen Penyiaran

- Permohonan bagi perkhidmatan penyiaran hendaklah dibuat di pautan <http://jmonline.ppukm.ukm.my> dan mendapatkan perakuan daripada ketua jabatan pemohon.
- Bagi perkhidmatan penerbitan video, permohonan hendaklah dibuat selewat-lewatnya 14 hari bekerja dari tarikh mula penggambaran. Produk akhir akan diserahkan selepas 45 hari bekerja dari tarikh akhir penggambaran.
- Pemohon hendaklah menyediakan draf skrip, *storyline*, *storyboard*, *props*, talent, suara latar, peruntukan perbelanjaan dan keperluan lain bagi penerbitan video yang di mohon.
- Bagi perkhidmatan rakaman video dan audio, permohonan hendaklah dibuat selewat-lewatnya 14 hari waktu bekerja dari tarikh rakaman berlangsung. Produk akhir akan diserahkan selepas 14 hari bekerja daripada tarikh rakaman berakhir.
- Bagi perkhidmatan penstriman langsung, permohonan hendaklah dibuat selewat-lewatnya 14 hari waktu bekerja dari tarikh program berlangsung.
- Bagi permohonan penggunaan siaran digital di *Digital Notice Board* dan *Seamless Digital Video Wall*, permohonan hendaklah dibuat selewat-lewatnya 7 hari bekerja dari tarikh tayangan visual ingin dipaparkan.
- Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Seksyen Penyiaran di talian 03-9145 6243.

Nota Penting Seksyen Penyiaran

- Penerbitan atau siaran hanya melibatkan program, aktiviti, penyelidikan dan pendidikan di bawah HCTM dan UKM yang dapat memberi maklumat terperinci dan manfaat kepada pemegang taruh.
- Sebarang penerbitan atau siaran yang menimbulkan kekeliruan, berunsur politik, perkauman dan boleh menjejaskan keselamatan negara adalah tidak dibenarkan.
- Sebarang keterlibatan pelakon/model/pesakit hendaklah mendapat persetujuan bersama dan mengisi Borang Keizinan Penggambaran.
- Sebarang penerbitan atau siaran berbentuk komersial perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Dekan/Pengarah HCTM.
- Kadar cas akan dikenakan kepada organisasi/produksi luar.
- Segala penerbitan atau siaran Tertakluk kepada Akta 588, Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998.